

# POLISI PEMBERI MAKLUMAT



## LEMBAGA KEMAJUAN TANAH NEGERI SABAH

### POLISI PEMBERI MAKLUMAT

Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (LKTNS) adalah bertanggungjawab untuk memajukan dan membantu dalam penyiasatan, perumusan dan pelaksanaan projek-projek bagi kemajuan dan penempatan tanah dalam Negeri Sabah. LKTNS dan kumpulan syarikatnya adalah komited untuk menghasilkan produk kelapa sawit dengan mengambil kira kepentingan ekonomi, alam sekitar dan sosial.

LKTNS percaya bahawa operasinya hendaklah dijalankan secara adil, telus dan bertanggungjawab dengan mematuhi undang-undang dan peraturan secara profesional, jujur, berintegriti dan beretika.

LKTNS komited dalam membentuk budaya keterbukaan dan kejujuran di mana seseorang yang menyedari kemungkinan penyelewengan atau salah laku adalah bertanggungjawab untuk melaporkan perkara itu tanpa rasa bimbang terhadap sebarang tindak balas. LKTNS komited:

- i. Memastikan pekerja dan individu mendedahkan apa-apa bentuk salah laku yang mereka sedari;
- ii. Membimbing pekerja dan individu untuk melaporkan sebarang bentuk penyelewengan dan salah laku kepada pihak berkuasa yang lebih tinggi;
- iii. Memberi perlindungan kepada pekerja yang melaporkan tuduhan penyelewengan dan salah laku; dan
- iv. Menguruskan pendedahan penyelewengan dan salah laku dengan cara dan masa yang sewajarnya.

Polisi ini disesuaikan dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, Akta Syarikat 1965, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan semua undang-undang dan peraturan yang terpakai di Malaysia.

Polisi ini dibaca bersama Kod Etika Perniagaan, Terma dan Syarat Perkhidmatan Umum (GTCS), prosedur pelaporan undang-undang atau peraturan. Peruntukan dalam polisi ini boleh disemak dan dipinda apabila perlu untuk memastikan pelaksanaannya yang berkesan.

Mengemaskini polisi ini secara berkala untuk memastikan ianya kekal berkaitan dan berkenaan.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Syaheddru R Joddari".

**SYAHEDDRUL R JODDARI  
GENERAL MANAGER SLDB**